

Industri aeroangkasa, marin sumbang lebih RM2 trilion

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Malaysia memainkan peranan penting terhadap pertumbuhan industri aeroangkasa dan marin dengan menyumbang lebih RM2 trilion terhadap kedua-dua sektor itu di peringkat global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, industri aeroangkasa negara dinilai kira-kira RM1.375 trilion pada 2021, manakala sektor marin pula merekodkan hampir RM800 bilion bagi tahun sama.

Beliau berkata, pencapaian membanggakan itu secara tidak langsung bakal merealisasikan hasrat negara untuk mencapai objektif dalam Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia dan Pelan Induk Perkapalan Malaysia.

“Saya juga berharap Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA23) akan memperkukuh lagi Malaysia sebagai hab serantau untuk industri aeroangkasa



ANWAR Ibrahim ketika melawat reruai pameran bagi segmen aeroangkasa pada LIMA23 di Dewan MIEC di Padang Matsirat, Langkawi semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

dan maritim,” kata Perdana Menteri ketika berucap sempena LIMA23 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri

melakukan lawatan ke reruai di MIEC yang melibatkan pelbagai pameran aset pertahanan dan komersial dari negara-negara luar.

Pameran bertemakan Titik

Perhubungan Perdagangan Maritim dan Aeroangkasa Asia itu dijangka mampu mencapai jangji niaga sehingga RM18 bilion daripada sektor pertahanan dan komersial.